



كمنتريڤ قمبراؤونن
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

81 PESERTA TAMAT KURSUS PENYIASATAN LANJUT DAN PROSES PENDAKWAAN

Hari Khamis, 14 Muharram 1447H bersamaan 10 Julai 2025M

Seramai 81 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya telahpun menamatkan kursus "**Penyiasatan Lanjut dan Proses Pendakwaan**" hari ini.

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada semua peserta kursus dan fasilitator telahpun disempurnakan oleh Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) di Kementerian Pembangunan, selaku Tetamu Kehormat di Majlis berkenaan.

Semasa ucapan di majlis penutup berkenaan, Awang Shamsuddin bin Hj Kamaluddin, Pegawai Undang-Undang Kanan, Pegawai Pendakwa Raya dan Ketua Unit Jenayah Am, Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara mengongsikan harapan agar segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi sepanjang kursus ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam melaksanakan tugas-tugas penyiasatan dan penyediaan kertas siasatan.

Sepanjang kursus ini, peserta telah mengikuti sembilan sesi yang merangkumi taklimat penerangan mengenai *Tatacara Pengumpulan dan Pemeliharaan Bukti, Merekod Pernyataan* dan *Isu-Isu yang sering dialami dalam penyiasatan* daripada fasilitator undangan daripada Pejabat Peguam Negara yang diikuti dengan sesi soal-jawab interaktif.

Pada akhir kursus tersebut, para peserta juga berkesempatan untuk menjalankan Latihan praktikal yang merupakan sebahagian daripada pengisian kursus bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung kepada para peserta dalam mengalikasikan pengetahuan serta kemahiran yang telah diperolehi sepanjang sesi berkenaan.

Turut hadir pada majlis penutup berkenaan ialah Ketua-Ketua Jabatan, Divisyen dan Unit serta pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan



PRESS RELEASE

81 PARTICIPANTS COMPLETE ADVANCED INVESTIGATION AND PROSECUTION PROCESS COURSE

Thursday, 14 Muharram 1447H / 10th July 2025

A total of 81 participants comprising officers and staff from the Ministry of Development and its departments, have completed the **"Advanced Investigation and Prosecution Process"** course today.

The closing ceremony and certificate presentation for all course participants and facilitators was officiated by Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, Deputy Permanent Secretary (Corporate and Legal) at the Ministry of Development, who attended as the Guest of Honour.

During the closing speech, Awang Shamsuddin bin Hj Kamaluddin, Senior Legal Officer, Deputy Public Prosecutor, and Head of the General Crimes Unit, Criminal Justice Division, Attorney General's Chambers, expressed hope that with the expert-led sessions and the practical insights, all participants will be left better equipped to handle cases with professionalism and hopes that the knowledge, skills, and experience gained throughout the course would be put to good use in carrying out investigation duties and in the preparation of investigation papers.

Throughout the course, participants attended nine sessions which included briefings on *Evidence Collection and Preservation, Recording Statements* and *Common Problems in Investigations* delivered by invited facilitators from the Attorney General's Chambers followed by interactive Q&A sessions.

At the end of the course, participants also had the opportunity to undergo practical training, which formed part of the course's content. This training aimed to provide hands-on exposure for participants to apply the knowledge and skills they had acquired throughout the course.

Also present at the closing ceremony were Heads of Departments, Divisions, and Units, as well as officers and staff under the Ministry of Development involved in law enforcement.

-END-

Prepared and released by:
**Public Relations Unit
Ministry of Development**